

Pemimpin negara Islam digesa bincang isu keganasan

UM 9 OCT 2001

KUALA LUMPUR 8 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemimpin negara-negara Islam perlu mendesak supaya diadakan satu persidangan sesama mereka dan peringkat antarabangsa untuk membincangkan masalah keganasan, selain membentuk tafsiran jelas mengenainya.

Menurut Perdana Menteri, persidangan seumpama itu penting untuk memulihkan imej Islam yang dikaitkan dengan pengganasan dan keganasan, terutamanya selepas serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon pada 11 September lalu.

Menurut Dr. Mahathir, terdapat banyak tafsiran mengenai keganasan yang dilakukan oleh kerajaan di negara-negara tertentu ke atas rakyat asing.

Bagi memulihkan imej Islam, negara-negara Islam perlu bertindak secara rasional, katanya ketika menjawab soalan **Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun)** pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata, walaupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengadakan perbincangan mengenai definisi pengganasan dan keganasan tetapi ia tidak menyeluruh.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, hanya jika Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) mengambil sikap dan bertindak secara rasional dalam menghadapi isu pengganasan dan keganasan, barulah imej Islam dapat dipulihkan.